



MENCANTIKKAN ATAU MENGUBAH SUAI SEJARAH?: Pembinaan gerbang di Muscat Street kini dipersoal.

Pastikan Kampong Glam tetap berciri kemelayuan

SAYA ingin mengulas artikel *Suasana Oman mula terasa di Kampong Glam* (BH, 25 Mei).

Saya sempat singgah ke Kampong Glam beberapa hari lalu untuk melihat sendiri gerbang yang sedang dibina mengikut memorandum persefahaman (MOU) yang ditandatangani pemerintah Singapura dengan kerajaan Oman.

Rakan saya dari Nepal yang bersama saya bertanya jika benar ada ramai orang dari Oman yang berhijrah ke Singapura. Beliau juga bertanya jika ada juga orang dari Afghanistan (kerana adanya Kandahar Street) yang tinggal di sini pada awal 1900-an.

Di sini ingin saya utarakan beberapa persoalan:

Apakah tujuan sebenar pemerintah Singapura menandatangani MOU itu? Adakah ia hanya untuk mempersembahkan sejarah yang benar atau untuk menarik ramai pelawat/pelancong ke Kampong Glam?

Faktanya dan setahu saya sebagai anak Melayu kelahiran Kampong Glam dan penulis buku *Gedung Kuning*, kawasan Kampong Glam banyak didiami orang Melayu (Jawa, Bawean, Banjar dan lain lagi).

Ada juga orang India dan Arab (dari

Yaman) tetapi kebanyakan mereka telah 'menjadi' Melayu kerana berbaur dengan masyarakat setempat.

Jadi mengapakah harus kita bina gerbang yang melambangkan sejarah orang lain? Mungkin saya tersilap tetapi tidak ada bukti yang menunjukkan Kampong Glam ada kena-mengena dengan kaum Oman – kalau ada pun sedikit dan bukanlah besar maknanya.

Mengapakah kita tidak mengisahkan cerita sebenar Kampong Glam, kisah Kampong Kaji – yang menjadi tumpuan jemaah haji pada satu ketika dahulu – kisah sumbangan orang Kampong Glam yang kebanyakannya kaum peniaga?

Saya naik mual mendengar ramai pemandu pelancong yang memberi fakta salah mengenai Kampong Glam.

Singapura semakin dipenuhi bakat asing dari berbilang negara. Dari itu, saya rasa amat penting jika kita memberi gambaran sejarah Singapura yang sebenar. Gerbang itu memberi semacam gambaran bahawa Kampong Glam adalah kawasan orang Arab.

Janganlah nanti kita salahkan generasi akan datang jika mereka tidak tahu mengenai sumbangan orang Melayu kepada Singapura.

Hidayah Amin